

Headline	Graduan perakaunan beranikan diri usaha tanaman labu emas		
MediaTitle	Harian Metro (Timur)		
Date	19 Sep 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	7,330
Page No	27	Readership	21,990
Language	Malay	ArticleSize	236 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,928
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,784



Graduan perakaunan beranikan diri usaha tanaman labu emas

Kuantan: Cetek pengalaman dalam bidang pertanian bukan penghalang kepada graduan perakaunan Husaini Abdullah, 42, mengusahakan tanaman labu emas seluas empat hektar di Kampung Ubai, di sini.

Selepas lima tahun terbabit dengan tanaman tembikai jenis boci kini dia mula mengorak langkah dengan tanaman labu berikutan permintaan menggalakkan.

"Selepas mendapat nasihat pegawai Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutu-

an (Fama) Pahang dan Pejabat Pertanian Daerah, saya memberanikan diri untuk cuba mengusahakan tanaman labu yang mengambil masa 70 hingga 75 hari untuk mengeluarkan hasil.

"Ternyata percubaan saya berjaya walaupun tidak mencapai tahap terbaik disebabkan faktor cuaca terlalu panas dan bekalan air terhad di kawasan kebun," katanya yang mengusahakan projek pertanian di atas tanah seluas lebih 10 hektar membabitkan beberapa ka-

wasan, di sini.

Pemegang ijazah perakaunan dari sebuah universiti tempatan itu berkata, dia mengeluarkan perbelanjaan lebih RM2,000 bagi mengusahakan tanaman labu emas selepas selesai tanaman tembikai boci.

Katanya, mengusahakan tanaman labu lebih mudah dan ringkas berbanding tembikai yang memerlukan kos lebih tinggi serta penjagaan rapi sejak mula ditanam hingga aktiviti menuai hasil dilakukan.



HUSAINI mengusahakan tanaman labu emas seluas empat hektar di Kampung Ubai.